



Dr Mahathir menyampaikan buku Pelan Antirasuah kepada Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang pada Majlis pelancaran Pelan Antirasuah Nasional di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

Pelan jadi bukti rakyat tolak rasuah: Dr Mahathir

➔ PM beri peringatan, amaran kepada pemimpin sekarang dan masa depan

Oleh **Mohd Anwar Patho Rohman, Rohaniza Idris, Irwan Shafrizan Ismail, Che Wan Badrul Alias dan Ahmad Suhael Adnan**
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dilancarkan semalam, menjelaskan bahawa rakyat Malaysia tidak akan menerima perlakuan rasuah kerana ia satu amalan keji dan menjijikkan.

Sambil menegaskan pelan itu turut memberi peringatan dan amaran kepada pemimpin sekarang dan masa depan termasuk Perdana Menteri dan menteri, beliau berkata, ia juga akan menjadi panduan bagi entiti berkaitan dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing. Perdana Menteri berkata, pe-

lan berkenaan juga satu pernyataan tegas daripada kerajaan sekarang, iaitu pesalah yang lalu telah dan sedang 'dikejar' dan akan dihukum, manakala perasuah sekarang dan masa depan akan berdepan tindakan lebih tegas.

"Ia satu bukti bahawa tindakan yang kita ambil terhadap perasuah yang lalu bukanlah satu tindakan berlandaskan dendam atau benci. Ia tindakan yang diambil kerana kerosakan yang mereka lakukan kepada negara amat besar dan tidak boleh dibiarkan.

Hukuman lebih berat

"Sesiapa yang merancang untuk melakukan rasuah tidak akan dibiarkan terlepas dan hukumannya adalah lebih berat dan tegas," katanya berucap merasmikan pelan berkenaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar dan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah, Jabatan Perdana Menteri (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak boleh sekadar mengingatkan rakyat mengenai kesalahan yang sudah berlaku, sebaliknya perlu melihat ke ha-

dapan dan mencari jalan supaya kesalahan sama tidak berulang.

"Tidak mencukupi sekadar meletakkan kesalahan kepada kerajaan dahulu dan menjadikan ia sebagai ingatan. Sekadar niat tidak mahu melakukan rasuah dan janji mulut tidak memadai. Kita memerlukan pelbagai strategi, undang-undang serta sekatan supaya dapat membendung rasuah dan menyukarkan mereka yang ingin melakukannya," katanya.

Justeru, Perdana Menteri berharap NACP yang disediakan melalui satu proses mengambil kira aspirasi dan harapan rakyat Malaysia dalam perjalanan memerangi rasuah serta bersandarkan bukti empirikal hasil analisis kajian, data tangkapan serta laporan audit terkini, dapat mengekang budaya rasuah di dalam negara.

"Pelan ini juga mengambil pandangan dan maklum balas daripada semua ketua setiausaha kementerian, ketua-ketua jabatan selain perbincangan dengan pelbagai pihak berkaitan," katanya.

Beliau berkata, NACP memberi tumpuan kepada enam bidang utama, iaitu perolehan awam; penguatkuasaan undang-undang; tadbir urus politik; tadbir urus korporat; penadbiran sektor awam dan perundangan dan kehakiman.

Selain itu, katanya, enam

strategi digariskan untuk enam bidang keutamaan itu termasuk mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan; menginsytuisikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang; memperkukuh akauntabiliti dan integriti politik dan memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat.

Pertingkat kredibiliti sistem perundangan

"Dua strategi lain termasuk memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman. Saya juga difahamkan terdapat 115 inisiatif yang sudah dirancang bagi menjadikan negara bebas rasuah.

"Semua inisiatif ini tidak boleh dilaksanakan oleh saya seorang diri atau oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) sahaja. Tidak juga ini menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau agensi-agensi lain yang diberi tanggungjawab mengenai governans dan integriti.

"Sebaliknya, ia adalah tanggungjawab semua pihak. Daripada Perdana Menteri hinggalah kepada guru di TADIKA, terutama dalam menanam nilai yang baik dan benci kepada rasuah dalam kalangan anak kita," katanya.